



**SURUHANJAYA
KOPERASI**
Malaysia

PENYATA KEWANGAN

**KOPERASI SURUHANJAYA PENCEGAHAN
RASUAH MALAYSIA BERHAD**

31 DISEMBER 2019

**SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA
BAHAGIAN AUDIT KOPERASI**

**LAPORAN JURUAUDIT
KE ATAS PENYATA KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019**

Kepada:

Suruhanjaya Koperasi Malaysia

Anggota-anggota

Koperasi Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia Berhad

Tuan,

Laporan atas Penyata Kewangan

Kami telah mengaudit penyata kewangan **Koperasi Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia Berhad** yang mengandungi Kunci Kira-Kira pada **31 Disember 2019**, Akaun Pembahagian Keuntungan, Akaun Untung Rugi dan Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir **31 Disember 2019** dan ringkasan dasar-dasar perakaunan penting dan lain-lain nota keterangan seperti yang dibentangkan bersama.

Tanggungjawab Anggota Lembaga Koperasi ke atas Penyata Kewangan

Anggota Lembaga Koperasi adalah bertanggungjawab dalam penyediaan dan pembentangan penyata kewangan yang saksama mengikut piawaian-piawaian perakaunan yang diluluskan di Malaysia dan Akta Koperasi 1993. Tanggungjawab ini termasuk merangka, melaksanakan dan mengekalkan kawalan dalaman yang relevan dengan penyediaan dan pembentangan penyata kewangan yang bebas daripada salah nyata yang material sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, pemilihan dan penggunaan dasar-dasar perakaunan yang bersesuaian dan membuat anggaran-anggaran perakaunan yang munasabah mengikut keadaan.

Tanggungjawab Juruaudit

Tanggungjawab kami adalah untuk menyatakan pendapat ke atas penyata kewangan ini berdasarkan kepada pengauditan yang dijalankan. Kami melaksanakan pengauditan menurut piawaian-piawaian audit yang diluluskan di Malaysia. Piawaian-piawaian tersebut menghendaki kami mematuhi etika dan merancang serta menjalankan kerja-kerja audit untuk memperoleh keyakinan yang munasabah mengenai sama ada penyata kewangan ini bebas daripada salah nyata yang material.

Sesuai audit merangkumi pelaksanaan prosedur-prosedur bagi memperoleh bukti yang menyokong jumlah-jumlah dan pendedahan dalam penyata kewangan. Prosedur-prosedur yang dipilih bergantung kepada pertimbangan kami termasuk penilaian risiko salah nyata yang material ke atas penyata kewangan sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan. Dalam membuat penilaian risiko, kami mempertimbangkan kawalan dalaman koperasi yang berkaitan dengan penyediaan dan pembentangan saksama penyata kewangan bagi merangka prosedur-prosedur pengauditan yang bersesuaian tetapi bukan bertujuan untuk memberikan pendapat tentang keberkesanan kawalan dalaman koperasi. Sesuatu audit juga termasuk menilai kesesuaian dasar-dasar perakaunan yang digunakan dan kemunasabahan anggaran-anggaran perakaunan yang dibuat oleh anggota lembaga koperasi dan juga penilaian ke atas pembentangan penyata kewangan secara keseluruhannya.

Kami percaya bahawa bukti audit yang kami peroleh memberikan asas yang wajar bagi pendapat kami.

Pendapat

Pada pendapat kami, penyata kewangan tersebut telah disediakan dengan wajar menurut piawaian-piawaian perakaunan yang diluluskan di Malaysia dan Akta Koperasi 1993 bagi memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan koperasi pada **31 Disember 2019** dan prestasi kewangannya serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Laporan ke atas Lain-lain Keperluan Perundangan dan Peraturan

Mengikut keperluan Akta Koperasi 1993 di Malaysia, kami juga melaporkan bahawa pada pendapat kami:

- (a) rekod-rekod perakaunan dan rekod-rekod lain telah disimpan dengan sempurna mengikut kehendak Seksyen 58 Akta Koperasi 1993.
- (b) penerimaan, perbelanjaan dan pelaburan wang dan perolehan dan pelupusan aset-aset oleh koperasi dalam tahun kewangan berakhir **31 Disember 2019** adalah mengikut kehendak Akta, Peraturan-Peraturan dan Undang-Undang Kecil Koperasi.
- (c) kedudukan aset-aset dan liabiliti-liabiliti termasuk hutang-hutang belum jelas koperasi adalah munasabah.

Perkara-Perkara Lain

Laporan ini disediakan hanya untuk Suruhanjaya, anggota-anggota koperasi, sebagai sebuah badan, mengikut kehendak Seksyen 63 Akta Koperasi 1993 di Malaysia dan bukan untuk tujuan lain. Kami tidak bertanggungjawab kepada mana-mana pihak lain ke atas kandungan laporan ini.


(WIDAYANI BINTI TORMAN)
b.p. Pengarah Audit Koperasi
Suruhanjaya Koperasi Malaysia

Tarikh: 19 Januari 2021




KOPERASI SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA BERHAD
Laporan Berkanun Lembaga Mengikut Akta Koperasi 1993 Seksyen 59(1) (c)


Kami bagi pihak Lembaga Koperasi dengan ini membentangkan Laporan Berkanun dan Penyata Kewangan bagi tahun berakhir **31 Disember 2019**.

Sesuai dengan kehendak-kehendak Akta Koperasi 1993 dan Peraturan-Peraturan yang di perbuat di bawahnya, kami bagi pihak Lembaga Koperasi melaporkan bahawa:

- (a) Pada pendapat kami, hasil operasi Koperasi bagi tahun kewangan berakhir **31 Disember 2019** tidak dipengaruhi secara berkesan oleh perkara-perkara abnormal mengikut takrif Seksyen 59(4), Akta Koperasi 1993.
- (b) Koperasi tidak bercadang untuk membuat membuat pengagihan keuntungan pada tahun ini.
- (c) Tiada hal-hal berbangkit yang menjadikan cara menilai aset dan liabiliti koperasi yang digunakan sekarang mengelirukan atau tidak sesuai.
- (d) Dalam jangka masa yang diliputi oleh akaun untungrugi tiada liabiliti kontinjen yang diakuangi oleh koperasi yang belum diselesaikan.
- (e) Lembaga Koperasi juga berpendapat bahawa jumlah Aset Semasa yang ditunjukkan di Kunci Kira-Kira adalah munasabah.

Kami bagi pihak Lembaga Koperasi juga berpendapat selain daripada perkara-perkara tersebut di atas, tiada lain-lain perkara di dalam pengetahuan kami yang tidak dinyatakan seperti yang dikehendaki oleh Akta Koperasi 1993 Seksyen 59(3).


Dato' Sri Shamsudin Baharin
bin Mohd Jamil
Pengerusi


Siti Zakiah binti Che Man
Bendahari


Megat Nor Esham
bin Megat Mohd Salleh
Setiausaha

Tarikh: 11 Disember 2020

KOPERASI SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA BERHAD

**KUNCI KIRA-KIRA
PADA 31 DISEMBER 2019**

	NOTA	2019 RM	2018 RM
HARTA TANAH, LOJI DAN PERALATAN			
Komputer	3	1,229.40	1,639.20
Aset-aset Lain	3	5,147.48	5,914.08
		6,376.88	7,553.28
ASET BUKAN SEMASA			
Pelaburan Dalam Syer Tak Siarharga	4	10,000.00	10,000.00
ASET SEMASA			
Inventori		4,199.84	28,945.63
Wang Di Bank	5	90,730.85	24,504.21
Wang Di Tangan		9,676.43	13,256.03
		104,607.12	66,705.87
LIABILITI SEMASA			
Fi Audit Suruhanjaya	6	1,400.00	600.00
Pelbagai Pemiutang	7	47,041.00	44,881.00
		48,441.00	45,481.00
Aset Semasa Bersih		56,166.12	21,224.87
		72,543.00	38,778.15
Dibiayai Oleh :			
Modal Syer Anggota	8	23,300.00	17,150.00
Modal Yuran Anggota	9	81,935.00	15,520.00
Lain-lain Tabung Anggota	10	11,480.00	2,120.00
Akaun Untung Rugi Terkumpul		(45,139.46)	3,020.69
KUMPULAN WANG ANGGOTA		71,575.54	37,810.69
Kumpulan Wang Rizab Statutori	11	967.46	967.46
		72,543.00	38,778.15

Nota-Nota berserta dengan akaun ini adalah sebahagian daripada akaun ini dan hendaklah dibaca bersama-sama dengannya.

KOPERASI SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA BERHAD

AKAUN PEMBAHAGIAN KEUNTUNGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019

	NOTA	2019 RM	2018 RM
Untung / (Rugi) Bersih Tahun Semasa		(22,352.60)	3,988.15
Campur / (Tolak) : Pelarasan Operasi		(25,807.55)	-
Untung / (Rugi) Bersih Selepas Pelarasan Operasi		(48,160.15)	3,988.15
 Tolak : (Kerugian) Berkumpul Pada Awal Tahun		-	-
Untung / (Rugi) Bersih Selepas Kerugian Berkumpul		(48,160.15)	3,988.15
 Tolak : Pembahagian berkanun			
Kumpulan Wang Rizab Statutori 15%	11	-	967.46
Untung Selepas Pembahagian Berkanun		(48,160.15)	3,020.69
Keuntungan Berkumpul Pada Awal Tahun		3,020.69	-
Keuntungan Berkumpul Pada Akhir Tahun		(45,139.46)	3,020.69

Nota-Nota berserta dengan akaun ini adalah sebahagian daripada akaun ini dan hendaklah dibaca bersama-sama dengannya.

KOPERASI SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA BERHAD

AKAUN UNTUNG RUGI

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019

	NOTA	2019 RM	2018 RM
PENDAPATAN			
Pendapatan dari aktiviti :			
Aktiviti Peruncitan		42,928.83	42,828.31
Pendapatan Am	12	21,833.94	22,310.05
		<u>64,762.77</u>	<u>65,138.36</u>
PERBELANJAAN			
Kos Jualan/Kos Aktiviti :			
Aktiviti Peruncitan		32,891.23	13,498.31
Perbelanjaan Am :			
Fi Audit Suruhanjaya	6	800.00	600.00
Perbelanjaan Lembaga		-	9,148.00
Susutnilai Aset	3	2,066.30	1,888.32
Belanja Mesyuarat Agung		1,360.00	-
Gaji dan Perbelanjaan Kakitangan		46,876.69	27,594.13
Pelbagai Perbelanjaan	13	3,121.15	8,421.45
		<u>87,115.37</u>	<u>61,150.21</u>
Keuntungan / (Kerugian) Bersih		<u>(22,352.60)</u>	<u>3,988.15</u>

Nota-Nota berserta dengan akaun ini adalah sebahagian daripada akaun ini
dan hendaklah dibaca bersama-sama dengannya.

KOPERASI SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA BERHAD

PENYATA ALIRAN TUNAI

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019

	2019	2018
	RM	RM
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI:		
Keuntungan/(Kerugian) bersih sebelum cukai	(22,352.60)	3,988.15
Pelarasan Untuk:		
Susutnilai aset	2,066.30	1,888.32
Modal Syer dan Modal Yuran akan dikembalikan	(860.00)	-
Inventori terlebih nyata	(25,807.55)	-
Untung/(Rugi) operasi sebelum perubahan modal kerja	(46,953.85)	5,876.47
(Tambahan)/Kurangan inventori	24,745.79	(28,945.63)
Tambahan/(Kurangan) pelbagai pemiutang	2,160.00	44,881.00
Tambahan/(Kurangan) fi audit suruhanjaya	800.00	600.00
Tunai bersih daripada aktiviti operasi	<u>(19,248.06)</u>	<u>22,411.84</u>
 ALIRAN TUNAI UNTUK BAYARAN BERKANUN DAN AGIHAN:		
Lain-lain Tabung Anggota	9,360.00	2,120.00
Tunai untuk bayaran berkanun dan agihan	<u>9,360.00</u>	<u>2,120.00</u>
 ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN:		
Belian aset tetap	(889.90)	(9,441.60)
Belian syer pelaburan	-	(10,000.00)
Tunai bersih daripada aktiviti pelaburan	<u>(889.90)</u>	<u>(19,441.60)</u>
 ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PEMBIAYAAN:		
Terimaan modal syer anggota	6,350.00	17,150.00
Terimaan modal syer yuran	67,075.00	15,520.00
Tunai bersih daripada aktiviti pembiayaan	<u>73,425.00</u>	<u>32,670.00</u>
 Lebihan tunai dan setara tunai	62,647.04	37,760.24
Tunai dan setara tunai pada awal tahun	37,760.24	-
Tunai dan setara tunai pada akhir tahun	<u><u>100,407.28</u></u>	<u><u>37,760.24</u></u>

KOPERASI SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA BERHAD

(Didaftarkan di Malaysia)

POLISI DAN NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019

1. MAKLUMAT UMUM

Koperasi menjalankan aktiviti seperti berikut:-

- (a) Menjual peralatan keperluan kepada anggota-anggotanya dan mendapat komisen daripada perkhidmatan "vending machine" dan komisen jualan konsainan.

2. DASAR-DASAR PENTING PERAKAUNAN

(a) Asas perakaunan

Penyata kewangan telah disediakan menurut konvensyen kos asal kecuali dinyatakan sebaliknya di dalam lain-lain dasar-dasar penting perakaunan.

Penyata kewangan disediakan dengan andaian bahawa kegiatan koperasi adalah berterusan. Penyata kewangan koperasi yang disediakan telah disesuaikan untuk mematuhi Akta Koperasi 1993, Peraturan-Peraturan Koperasi 2010, Garis Panduan, Undang-undang Kecil Koperasi serta mengikut piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia.

(b) Fi masuk

Fi masuk dikreditkan ke Akaun Untung Rugi sebagai pendapatan koperasi.

(c) Harta tanah, Loji, Peralatan dan susutnilai

Pengiktirafan dan pengukuran

Hartanah, loji dan peralatan adalah dinyatakan pada kos atau pada harga penilaian ditolak susutnilai terkumpul dan/atau kerugian kejelasan terkumpul.

Susutnilai

Hartanah, loji dan peralatan adalah disusutnilaikan mengikut jangka hayat penggunaannya dengan menggunakan kaedah samarata untuk menghapuskura kos aset tersebut.

Kadar susutnilai yang digunakan adalah sebanyak 20% setahun penuh atas semua aset.

(d) Inventori

Inventori dinyatakan pada kos atau harga pasaran yang mana lebih rendah.

KOPERASI SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA BERHAD

(Didaftarkan di Malaysia)

POLISI DAN NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019

(e) Tunai dan kesetaraan tunai

Tunai dan kesetaraan tunai termasuk wang di bank dan di tangan yang mempunyai kecairan yang tinggi dan risiko perubahan dalam nilai yang rendah. Bagi tujuan penyediaan penyata aliran tunai, tunai dan kesetaraan tunai terdiri daripada tunai di tangan dan di bank.

(f) Pemiutang Lain

Pemiutang Lain dinyatakan pada kos di mana ia adalah nilai saksama yang dijangka akan dibayar pada masa hadapan bagi barangan dan perkhidmatan yang diterima.

(g) Pengiktirafan pendapatan

Hasil diiktiraf apabila berkemungkinan bahawa faedah ekonomi berkaitan dengan urusan niaga akan mengalir masuk kepada koperasi dan jumlah hasil boleh dikira secara munasabah.

(i) Jualan Barangan

Hasil berkaitan jualan barangan diiktiraf sebagai pendapatan apabila barangan dihantar kepada pelanggan. Hasil ini juga diiktiraf bersih daripada cukai jualan dan diskaun ke atas pemindahan risiko dan ganjaran kepada pembeli.

(ii) Dividen

Pendapatan dividen diiktiraf apabila hak untuk menerimanya telah ditentukan.

KOPERASI SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA BERHAD

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019

NOTA 3 - HARTA TANAH, LOJI DAN PERALATAN

JENIS ASET	KOS / NILAI			Kadar %	SUSUT NILAI TERKUMPUL			Nilai Buku Bersih 2019	Nilai Buku Bersih 2018
	Baki Awal	Tambah/ Pelarasan	Baki Akhir		Baki Awal	S/Nilai Tahun Ini	Baki Akhir		
Komputer	2,049.00	-	2,049.00	20%	409.80	409.80	819.60	1,229.40	1,639.20
Aset-Aset Lain:									
Pencetak	259.00	-	259.00	20%	51.80	51.80	103.60	155.40	207.20
Peti Penyejuk	3,233.60	-	3,233.60	20%	646.72	646.72	1,293.44	1,940.16	2,586.88
Peti Penyejuk Beku	1,900.00	-	1,900.00	20%	380.00	380.00	760.00	1,140.00	1,520.00
Gondola "island"	2,000.00	-	2,000.00	20%	400.00	400.00	800.00	1,200.00	1,600.00
Mesin e-pay	-	730.00	730.00	20%	-	146.00	146.00	584.00	-
Troli Barang	-	159.90	159.90	20%	-	31.98	31.98	127.92	-
	7,392.60	889.90	8,282.50		1,478.52	1,656.50	3,135.02	5,147.48	5,914.08
JUMLAH	9,441.60	889.90	10,331.50		1,888.32	2,066.30	3,954.62	6,376.88	7,553.28

KOPERASI SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA BERHAD

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019**

	2019	2018
	RM	RM
NOTA 4 - PELABURAN DALAM SYER TAK SIAR HARGA		
Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad	-	-
(77-098-108955-3) (10,000 unit x RM1.00)	10,000.00	10,000.00
Baki pada 31 Disember	<u>10,000.00</u>	<u>10,000.00</u>
NOTA 5 - WANG DI BANK		
Affin Islamic Bank Berhad Cawangan Putrajaya		
Akaun Semasa (10-549-000529-3)	1,735.65	1,975.65
Akaun Semasa (10-549-000530-3)	87,770.83	21,529.87
Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad Cawangan Putrajaya		
Akaun Semasa (110981002527)	1,224.37	998.69
Baki pada 31 Disember	<u>90,730.85</u>	<u>24,504.21</u>
NOTA 6 - FI AUDIT SURUHANJAYA		
Baki pada 01 Januari	600.00	-
Tambah dalam tahun	800.00	600.00
Baki pada 31 Disember	<u>1,400.00</u>	<u>600.00</u>
NOTA 7 - PELBAGAI PEMIUTANG		
Liabiliti Lain - Semasa		
Kumpulan Wang Pencegahan Rasuah (KWPR)	44,881.00	44,881.00
Insurans anggota	1,300.00	-
Modal syer akan dikembalikan	200.00	-
Modal yuran akan dikembalikan	660.00	-
Baki pada 31 Disember	<u>47,041.00</u>	<u>44,881.00</u>
NOTA 8 - MODAL SYER ANGGOTA		
Baki pada 01 Januari	17,150.00	-
Tambahan dalam tahun	6,350.00	17,150.00
	<u>23,500.00</u>	<u>17,150.00</u>
<u>Tolak:</u> Bayaran dalam tahun	(200.00)	-
Baki pada 31 Disember	<u>23,300.00</u>	<u>17,150.00</u>
BILANGAN ANGGOTA		
Baki pada 01 Januari	126	-
Tambahan Dalam Tahun	162	126
	<u>288</u>	<u>126</u>
<u>Tolak:</u> Bayaran dalam tahun	(55)	-
Baki pada 31 Disember	<u>233</u>	<u>126</u>

KOPERASI SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA BERHAD

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019**

NOTA 9 - MODAL YURAN ANGGOTA	2019 RM	2018 RM
Baki pada 01 Januari	15,520.00	-
Tambahan dalam tahun	67,075.00	15,520.00
	82,595.00	15,520.00
<u>Tolak: Kurangan dalam tahun</u>	<u>(660.00)</u>	<u>-</u>
Baki pada 31 Disember	<u>81,935.00</u>	<u>15,520.00</u>
 BILANGAN ANGGOTA		
Baki pada 01 Januari	116	-
Tambahan Dalam Tahun	75	116
	191	116
<u>Tolak: Kurangan dalam tahun</u>	<u>(2)</u>	<u>-</u>
Tolak: Bayaran dalam tahun	189	116
Baki pada 31 Disember	<u>189</u>	<u>116</u>
 NOTA 10 - LAIN-LAIN TABUNG ANGGOTA		
<u>TABUNG KEBAJIKAN AM</u>		
Baki pada 01 Januari	2,120.00	-
Sumbangan anggota	9,360.00	2,120.00
Baki pada 31 Disember	<u>11,480.00</u>	<u>2,120.00</u>
 NOTA 11 - KUMPULAN WANG RIZAB STATUTORI		
Baki pada 01 Januari	967.46	-
Baki pada 31 Disember	<u>967.46</u>	<u>967.46</u>
 NOTA 12 - PENDAPATAN AM		
Etika Takaful Insurans	-	260.00
Sumbangan	-	7,173.36
Fi Masuk	20.00	11,980.00
Komisen Jualan Konsainan	15,583.50	1,243.00
Hibah Bank Rakyat	15.95	3.69
Komisyen Mesin Vending	1,800.00	1,650.00
Hibah Affin Bank	415.06	-
Dividen Syer Bank Rakyat	209.73	-
Pendapatan tidak dikenalpasti	3,789.70	-
Jumlah	<u>21,833.94</u>	<u>14,876.69</u>

KOPERASI SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA BERHAD**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019**

NOTA 13 - PELBAGAI PERBELANJAAN	2019 RM	2018 RM
Caj Bank	265.80	85.75
Cukai Tak Langsung (GST)	-	1.35
Jamuan	-	2,759.50
Alatan	-	324.00
Pengangkutan	-	150.00
Kain Rentang	-	730.00
Alatulis dan Percetakan	373.20	3,487.40
Lesen Perniagaan	168.00	346.00
Komisyen ANGKASA	494.00	138.60
Pos	76.50	36.35
Belanja Am	843.00	362.50
Caj Perkhidmatan SPBA	300.00	-
Hapuskira inventori rosak	600.65	-
Jumlah	<u>3,121.15</u>	<u>8,421.45</u>

